

BAB TIGA

KESAN KOLONIALISME KE ATAS POLITIK DI TANAH MELAYU MELALUI PENJAJAHAN BRITISH.

3.1. Pengenalan`

Pada abad ke-19, di Eropah dan juga di Tanah Melayu telah berlaku beberapa perubahan yang mendorong British campur tangan terhadap pentadbiran negeri-negeri Melayu. Revolusi perusahaan yang berlaku pada pertengahan abad ke-19 di Eropah telah membawa kepada kemunculan England sebagai sebuah negara perusahaan yang penting. Ledakan revolusi perusahaan ini telah membawa kepada keperluan bahan mentah dan memaksa British meluaskan jajahannya untuk mencari pasaran baru. Justeru itu perluasan kuasa ke Alam Melayu telah menarik perhatian British terutamanya di Tanah Melayu. (Qasim Ahmad, 1999: 19).

Tanah jajahan ini bukan sahaja berfungsi sebagai membekalkan bahan mentah tetapi juga memasarkan barang siap. Pada masa itu juga telah berlaku kekacauan di negeri-negeri Melayu yang boleh menjelaskan pelaburan modal oleh saudagar Negeri-negeri Selat dalam aktiviti perdagangan terutamanya yang berkaitan dengan perlombongan bijih timah. Kekacauan ini ditimbulkan oleh pelombong-pelombong Cina yang terlibat dengan kongsi gelap. Selain itu terdapat pertikaian mengenai tuntutan takhta di kalangan pemimpin-pemimpin Melayu. Keadaan inilah yang menyebabkan British terpaksa campur tangan di negeri-negeri Melayu demi menjamin kegiatan ekonomi daripada terjejas. Campur tangan British ini bermula dengan perjanjian Pangkor 1874 di antara British

dengan Raja Abdullah serta para pembesarnya. Secara tidak langsung ia telah membawa kepada pengukuhan kuasa British di Tanah Melayu dan perubahan politik terutamanya dengan pengenalan sistem Residen.

3.2. Pengenalan Sistem Residen.

Perjanjian Pangkor merupakan persetiaan yang ditandatangani di antara pihak British yang diwakili oleh Sir Andrew Clarke, iaitu gabenor Negeri-negeri Selat dengan Raja Abdullah, Temenggung, Menteri Ngah Ibrahim, Laksamana Sago' Sagor, Raja Bendahara, Syahbandar dan Raja Mahkota di pulau Pangkor. Perjanjian ini ditandatangani pada 20 Januari 1874. (Abdullah Zakaria bin Ghazali, 1997: 13). Selepas perjanjian, 11 das tembakan dilepaskan dari kapal '*Midge*' sebagai penghormatan terhadap perlantikan Raja Abdullah sebagai sultan Perak.

Perundingan yang dijalankan di Pangkor ini telah menggariskan sebanyak 14 fasal yang dipersetujui oleh beberapa orang besar dan Sultan Perak. Hanya enam fasal yang penting sahaja akan dikemukakan. Di antara yang digariskan dalam persetujuan ini ialah:

Fasal yang pertama-maka Raja Abdullah itulah disebutkan menjadi Sultan Perak.

Fasal yang kedua- maka raja Bendahara Ismail yang ada jadi pemangku sultan itu diagungkan kepadanya gelaran Sultan Muda serta mendapat penceن dan satu jajahan kecil tersebut menjadi punyai kepadanya.

Fasal yang ketiga- maka nama sekalian orang besar yang lain-lain yang telah dijadikan pada ketika Raja Bendahara Ismail menerima alat kerajaan itu ditetapkan belaka.

Fasal yang keempat- kuasa yang telah diberi kepada Orang Kaya Menteri di atas Larut oleh almarhum itu dikukuhkan juga demikian.

Fasal yang kelima- segala hasil yang dipungut dan segala perintah atau gelaran yang dibuat hendaklah dengan nama sultan itu.

Fasal yang keenam- hendaklah sultan itu menerima seorang besar British yang dinamai Residen dan mengadakan sebuah rumah yang patut akan kediamannya apa-apa nasihat daripadanya dan mengikut ajarannya maka Orang Besar ini hendaklah ada berkuasa dan terpakai dalam balai bicara sultan itu dan hendaklah dituntut pada membuat apa-apa dalam segala perkara yang lain daripada perkara yang kena kepada agama dan adat-adat Melayu. (Abdullah Zakaria Ghazali, 1997: 13).

Termenterainya Perjanjian Pangkor ini telah mengubah sistem politik tradisional yang diamalkan selama ini akibat kemasukan unsur-unsur Barat. Di antara kesemua 14 fasal yang terdapat dalam perjanjian ini, perkara ke-6 menjadi paling penting kerana ia menjadi punca utama kepada perubahan pemerintahan tradisional.

Perlantikan seorang residen untuk membantu dan menasihat sultan dalam semua urusan pentadbiran secara tidak langsung telah mengubah keseluruhan pemerintahan tradisi di negeri-negeri Melayu. Sebelum perlantikan residen, sultan merupakan pemerintah tertinggi dalam institusi pentadbiran negeri dan baginda dibantu oleh pembesar-pembesar di bawahnya. Kedudukan sultan yang teratas menyebabkan beliau mempunyai kuasa mutlak dalam segala hal dan bebas membuat dasar negeri tanpa sebarang gangguan. Kini perlantikan residen sebagai penasihat sultan telah menggugat kedudukan sultan. Ini kerana tugas residen secara '*Dejure*' adalah menasihat sultan yang memerintah dalam urusan pentadbiran namun pada hakikatnya apa yang berlaku adalah sebaliknya. Ini kerana berdasarkan kepada perjanjian tersebut, sultan hendaklah meminta dan mematuhi nasihat daripada Residen British. Ini menyebabkan hakikat kuasa politik pemerintahan telah berubah daripada sultan kepada residen. Sultan hanya berkuasa terhadap adat istiadat Melayu dan agama Islam sahaja.

Contoh yang dapat dilihat di sini ialah dalam kisah Residen British yang pertama di Perak iaitu James Wheeler Woodford Birch (J.W.W.Birch) yang dihantar pada 4 November 1874, telah melanggar institusi Melayu. Birch yang sepatutnya menjadi penasihat Sultan Abdullah telah melanggar peraturan perjanjian dengan cara cuba memusatkan kuasa pemerintahan sepenuhnya di tangan beliau. Segala keputusan diambil tanpa berunding dengan Sultan Abdullah, malah beliau telah menggunakan tekanan dan ugutan ke atas Sultan Abdullah bagi mendapatkan tandatangan untuk melaksanakan peraturan-peraturan baru di Perak. (Barbara W. dan Leonard Y. Andaya, 1983: 179).

Di samping itu satu lagi tindakan yang menggugat kedudukan Sultan Perak ialah tindakan Birch yang mengharamkan pajakan Kuala Perak. Sultan Abdullah telah pun memajakkan kawasan tersebut kepada saudagar Lee Cheng Tee dari Singapura. British telah mengarahkan saudagar itu untuk memohon semula bagi mendapatkan pajakan itu. British telah mengarahkan saudagar itu untuk memohon semula bagi mendapat pajakan itu. Peristiwa ini jelas menunjukkan bahawa residen bukan lagi menasihati tetapi memerintah. Ini jelas menunjukkan kuasa residen lebih menyerlah daripada kuasa sultan dan beliau hanya dijadikan boneka dalam negeri. Maka dengan ini jelas terdapatnya perubahan dalam pentadbiran tradisional di mana kuasa mutlak sultan hilang berikutan perjanjian Pangkor ini. (Barbara W. dan Leonard Y. Andaya, 1983: 179).

Dari segi kebudayaan, perjanjian Pangkor ini menggariskan perbedaan yang sama sekali tidak bermakna kepada orang-orang Melayu. Antaranya ialah ‘agama dan adat resam’ di kecualikan dari pengawalan Inggeris, tetapi urusan pentadbiran am negeri akan dilalukan sesuai dengan nasihat residen. Contohnya menurut fasil 10, dalam perjanjian itu.

'maka pada pemungut hasil itu dan kuasa pemerintah memungutnya itu serta/jenis perintah bagi negeri itu semuanya hendaklah diaturkan dengan mengikut kehendak Residen-Residen yang tersebut/segala itu' (Abdullah Zakaria bin Ghazali, 1997: 285)

Ini menggambarkan bahawa keistimewaan diraja telah dikurangkan. Ini kerana apabila para pembesar Melayu bersetuju menerima Perjanjian Pangkor, maka dengan tidak sengaja mereka dibawa masuk ke dalam lingkungan amalan Inggeris yang sedia ada tetapi bertentangan dengan amalan mereka sendiri. Dalam hal ini, pihak British, khususnya Birch telah mentafsir maksud 'hamba' di kalangan orang Melayu dengan cara yang difahami oleh Barat. Percubaan untuk menghapuskan institusi perhambaan pada tahun 1883 di seluruh Empayar British. Inggeris beranggapan bahawa amalan itu bertentangan dengan kerajaan 'bertamadun' yang mereka cadangkan itu. Arahan secara lisan yang diberi oleh Clarke kepada Residen Selangor, Davidson, khususnya mengatakan 'tiada dibenarkan untuk hamba abdi di mana-mana negeri di bawah perlindungan Inggeris'. (Dipetik oleh Barbara Watson, dan Leonard Y Andaya, 1983: 185-186).

Namun begitu pengharaman institusi perhambaan ini telah memberi kesulitan kepada orang Melayu. Bagi mereka, institusi perhambaan ini merupakan sesuatu yang halal dan menjadi kebanggaan dan kemuliaan bagi pemerintah dan pembesar Melayu. Ia juga mempengaruhi di dalam sistem politik dan sosial mereka. Semakin ramai hamba tebusan itu, semakin tinggilah kedudukan atau martabat seseorang pembesar Melayu. Oleh itu pengharaman institusi ini telah menimbulkan perasaan tidak puas hati di kalangan pembesar Melayu kerana ia telah melanggar organisasi sosial dan menggugat tempat pergantungan mereka. Oleh itu secara tidak langsung ia telah mengubah sistem pentadbiran

tradisional Melayu. Justeru itu, pada 2 November 1875, J.W.W Birch telah dibunuh di Pasir Salak. Pembunuhan ini telah meleraikan perasaan tidak puas hati masyarakat Melayu terhadap institusi Inggeris.

3.3. Kepimpinan

Kesan terhadap kepimpinan orang Melayu dapat dilihat melalui penubuhan Majlis Negeri pada tahun 1986. Majlis Negeri ini dibentuk sebagai badan perundangan. Ia terdiri daripada kira-kira 10 orang ahli iaitu sultan, anak-anak raja, dan pembesar yang terpilih, dan perwakilan yang terhad dari kaum Cina beserta residen. Dalam Majlis itu, residen menjadi pemerintah yang sebenarnya.

Majlis Negeri ini bersidang kira-kira tujuh kali dalam setahun. Ia juga merupakan forum yang berguna bagi memperoleh pendapat umum, terutama mengenai perkara-perkara yang menyentuh tentang orang Melayu. Namun pengaruhnya terhadap perundangan agak terhad. Hanya satu sahaja yang kekal di tangan orang Melayu iaitu pentadbiran hukum syariah dan pelantikan pegawai-pegawai agama yang terus menjadi tanggungjawab sultan.

Pentadbiran tempatan pula berada di bawah pengawasan am seorang Pegawai Daerah British. Pegawai Daerah berfungsi sebagai residen pada peringkat yang lebih rendah. Kawasan yang di bawah pengawasannya mempunyai keluasan kira-kira 3800 kilometer persegi, ataupun lebih seperti di Pahang, yang terdiri daripada kira-kira 20,000 orang penduduk. Pegawai Daerah bertanggungjawab bagi perkara-perkara seperti khazanah, daerah, hasil tanah, keadilan, kutipan cukai, keamanan dan ketenteraman, kesihatan awam, serta pengawalan ke atas pihak berkuasa Melayu. (Barbara Watson, dan Leonard Y Andaya, 1983: 203).

Oleh yang sedemikian, corak pentadbiran Inggeris ini telah merubah bentuk pentadbiran yang lama. Golongan yang amat terjejas dengan perubahan baru ini ialah para pembesar setempat yang bukan dari keluarga Diraja. Para pembesar ini tidak diberi hak istimewa oleh Inggeris. Hanya beberapa orang di antara mereka yang dilantik menjadi ahli Majlis bentuk baru atau pun diangkat menjadi penghulu. Mereka ini tidak lagi berkuasa memungut cukai, dan malahannya sistem hamba abdi telah dihapuskan pada 1882 oleh kerajaan British. Dengan penghapusan amalan ini, kerajaan kolonial British telah serentak menghapuskan hubungan kredit di antara pembesar dan petani.

Di samping itu juga, peranan tradisional pembesar sebagai penghubung di antara raja dan rakyat menjadi lemah. Walaupun Penghulu masih patuh kepada sultannya, tetapi beliau tidak lagi bertanggungjawab terus kepada seorang pembesar tetapi kepada Pegawai Daerah British. Tambahan pula mereka yang dipilih menjadi penghulu ialah orang yang diperakuan oleh pegawai Daerah dan dilantik dengan rasmi oleh Residen dan Majlis. Dalam hal ini taraf sultan menjadi semakin rendah dan fungsi beliau dalam hal-hal pentadbiran dan politik menjadi semakin kurang.

Di samping itu juga, pemerintahan Inggeris mengekalkan hubungan yang rapat di antara kuasa kolonial dan golongan elit Melayu. Pada adatnya, kehidupan sultan dan majlisnya adalah adalah sejajar dalam kebanyakan hal dengan kehidupan petani Melayu. Mereka mempunyai pandangan alam yang sama serta berinteraksi dalam hal-hal duniawi. Sultan Abdul Samad di Selangor misalnya bergaul bebas dengan rakyat baginda, sama ada sedang menyaksikan sabung ayam, berbual-bual di pasar atau pun sedang menyaksikan amalan biasanya. (Adnan Haji Nawang, 1997: 6). Bagaimana pun, kini golongan pemerintah Melayu dengan nilai hidup serta cara pergaulan yang sama sekali telah berbeza

dari kehidupan petani Melayu. Di kampung, budak-budak dan pemuda masih bermain sepak raga tetapi generasi baru bangsawan Melayu bermain tennis dan polo. Sementara cara hidup di kampung masih belum berubah, kaum bangsawan Melayu mula meniru cara hidup Barat, memakai pakaian ala Barat dan tinggal dalam rumah bentuk Barat, hingga pergi bercuti ke London mengikut cara pegawai kolonial. Kehadiran rejim baru itu menimbulkan perpecahan kebudayaan di antara kaum elit Melayu dan kaum tani Melayu, yang turut melemahkan perpaduan masyarakat Melayu. (Barbara Watson, dan Leonard Y Andaya, 1983: 203).

Kuasa muktamad yang sebenarnya terletak di tangan Inggeris. Meskipun pada teorinya Inggeris mengajar orang-orang Melayu mentadbirkan negeri mereka, namun corak pemerintahan kolonial tidak menggalakkan sebarang inisiatif politik atau pun memberikan pendidikan mengenai konsep-konsep kerajaan yang demokratik yang telah mula berakar umbi di England pada penghujung kurun ke-19. Majlis Negeri tidak dianggap sebagai satu jalan perantaraan peralihan kepada pemberian suara yang lebih besar bagi orang Melayu dalam pentadbiran. Bahkan Weld telah menyatakan pandangan am Inggeris bahawa '*status quo*' itu hendaklah dikekalkan.(W.R. Roff, 1975: 114-125).

3.4 Politik dalam tahun-tahun 1930-1940-an.

Sejarah politik dalam tahun-tahun 1930-an juga dikaitkan dengan tuntutan orang Cina. Orang-orang Melayu mula berasa cemas terhadap tuntutan-tututan kaum Cina yang bermastautin di negera ini. Mereka menuntut supaya diberi hak keutamaan yang sama seperti orang-orang Melayu juga. Antara tuntutan mereka ialah supaya dimasukkan ke dalam Perkhidmatan Awam Malaya. Mereka juga menuntut supaya diberi hak kerakyatan

sama seperti orang-orang Melayu, sebab mereka juga melihat Malaya sebagai sebuah negeri sejati untuk mereka menumpukan taat setia, tidak lagi sebagai tempat mereka menumpang buat sementara waktu sahaja. Justeru itu ia amat membimbangkan orang Melayu terhadap tuntutan ini.

Di samping itu juga, orang Melayu bimbang akan pertambahan penduduk Cina yang seakan sama ramai dengan orang Melayu, kecuali dalam Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu, iaitu Perlis, Kedah, Kelantan, Terengganu, dan Johor. Mengikut bancian pada tahun 1931, di Selangor terdapat 23.1 peratus orang Melayu berbanding dengan 45.3 peratus orang Cina, sementara di Perak pula, terdapat 35.6 peratus orang Melayu berbanding dengan 42.5 peratus orang Cina. (Insun Sony Mustapha, 1999: 177) Pertambahan penduduk ini disebabkan oleh dasar British yang menggalakkan kemasukan imigran tersebut secara beramai-ramai terutamanya dalam membangunkan ekonomi di Tanah Melayu. Justeru itu, orang Melayu telah menerbitkan beberapa buah akhbar tempatan dalam menyuarakan perasan tidak puas hati ini. Antaranya seperti Al-Ikhwan, Lembaga Melayu, Saudara, Warta Malaya, Majlis dan yang terbaru sekali pada masa itu ialah Utusan Melayu. Di dalam akhbar tersebut, hujah-hujah yang paling penting dan logik telah ditekankan. Antaranya ‘Malaya adalah kepunyaan orang-orang Melayu’. Apabila British tiba di Semenanjung Tanah Melayu, negeri ini sudah pun mempunyai kerajaannya sendiri.(W.R. Roff, 1975: 200-201).

Selain itu terdapat juga akhbar Melayu yang berani memberi perangsang kepada orang-orang Melayu supaya mereka itu segera bersatu-padu untuk keselamatan bangsa dan nusa. Ada yang menuntut pihak British supaya mengawasi hak-hak orang Melayu serta

mengingatkan bahawa orang-orang Melayu itu bukanlah binatang liar untuk diburu sesuka hati oleh kaum mendatang. Perperangan lidah ini berlanjutan hingga tahun 1941.

Begitu juga dengan penubuhan Kesatuan Melayu Muda (KMM) pada tahun 1938 adalah hasil daripada perubahan politik di Tanah Melayu. Ia merupakan pakatan beberapa orang pemuda Melayu nasionalis kiri yang berjiwa radikal dan revolucionari. Mereka kesemuanya bersemangat kebangsaan tulen dan berada dalam lingkungan umur akhir dua puluhan. Mereka ini benar-benar terpengaruh oleh buku-buku sejarah dunia terutama sekali sejarah Empayar Turki yang telah menjadi hancur lebur akibat tindak tanduk kerajaan-kerajaan Turki yang bercorak feudal yang bertukar ganti berkurun-kurun lamanya.

Pemuda-pemuda nasionalis kiri ini amat bencikan penindasan oleh penjajah Inggeris, yang pada mulanya datang dengan diundang sebagai pelindung dan pembawa keamanan tetapi kemudiannya telah bertukar menjadi penjajah yang liar, sama seperti penjajah-penjajah Eropah yang lain. Daripada sistem Residen yang berfungsi sebagai penasihat, Inggeris telah berjaya menjadi penjajah dengan segala dasar pemerintahan yang didatangkan dari London, manakala Raja-raja Melayu terpaksa menyetujuinya. Antara dasar-dasar ini termasuklah usaha membawa masuk orang-orang dagang dengan jumlah yang sangat banyak. Dalam usaha kapitalis British mengaut kekayaan Tanah Melayu, mereka telah membawa masuk ramai orang terpelajar dari Ceylon (Sri Lanka), India dan Hong Kong. Mereka ini akan membantu British dalam urusan pentadbiran , ekonomi dan pertahanan.

Tindak-tanduk British ini menyebabkan orang Melayu tidak berpeluang mendapat jawatan, baik dalam jabatan-jabatan kerajaan mahu pun swasta, tepat seperti kata pepatah Melayu, ‘itik di air mati kehausan, ayam di kepuk mati kelaparan’. (Insun Sony Mustapha,

1999: 195). Justeru itu, pemuda-pemuda progresif yang menjadi pengasas KMM sedar bahawa kerajaan British tidak dapat diharapkan sebagai tempat bergantung nasib bagi orang-orang Melayu. British tidaklah pandai mendolak-dalikkan soal ketuanan Melayu. Jadi, orang-orang Melayu mestilah berganding bahu demi mempertahankan hak ketuanannya. KMM adalah badan orang Melayu yang akan memperjuangkan kesentosaan, kesejahteraan, keselamatan, hak, dan kedaulatan bangsa Melayu. Pendek kata pemuda-pemuda ini mahu menjadikan kesatuannya penyelamat bangsa Melayu dan tanah air daripada penjajahan asing, khususnya Inggeris.

Antara mereka yang aktif dalam KMM pada peringkat awalnya ialah Ibrahim Yaakub (bekas guru Sekolah Melayu dan kemudian wartawan) dari Kertau, Pahang: Mustapha Haji Hussin, Hassan Haji Manan, Abdul Karim Rashid dan ramai lagi. KMM ini juga merupakan badan politik yang pertama ditubuhkan di Tanah Melayu. Mereka juga pertama sekali menggunakan perkataan ‘MERDEKA’ Selepas tamat perang dunia kedua, PKMM merupakan parti politik melayu pertama yang ditubuhkan. PKMM telah ditubuhkan pada 17 Oktober 1945. (Abdullah Zakaria Ghazali dan Adnan haji Nawang, ed. 1997: 27). PKMM menjalankan dasar tidak mahu bekerjasama dengan pemerintah British. Ini menyebabkan para pemimpin dan pengikutnya dianggap sebagai golongan kiri dan radikal. Pengaruh PKMM yang kuat di hampir seluruh Tanah Melayu membimbangkan British. Pemimpin utama PKMM ialah Dr. Burhanuddin al-Helmy. PKMM mempunyai cabang pemuda dan pemudi iaitu API (Angkatan Pemuda Insaf) dan AWAS (Angkatan Wanita Sedar) yang dipimpin oleh Ahmad Boestaman dan Shamsiah Fakeh. (Aishah Ghani, 1992: 31-32).

3.4. Kelahiran Parti Politik Melayu : UMNO

Peringkat permulaan kesedaran politik dan status ekonomi Melayu hanya dipaparkan di dalam surat khabar atau makalah antaranya seperti Al-Iman, Seruan Azhar, Saudara, Lembaga Melayu, dan Majlis. Usaha menubuhkan organisasi Pan-Malay secara besar-besaran telah dilakukan melalui Kesatuan Melayu Muda (KMM) pada tahun 1938. Ia cuba menyemarakkan perasaan nasionalisme dan perasaan tidak puas hati terhadap pemerintahan British. Walau bagaimanapun KMM gagal untuk menubuhkan organisasi politik Melayu yang menyeluruh dan mempertahankan pergerakan nasionalisme sehingga pendudukan Jepun.

Cadangan Malayan Union yang diutarakan oleh Setiausaha Negara bagi Tanah Jajahan British di persidangan Parlimen pada bulan Oktober 1945 adalah pencetus kepada pembentukan organisasi politik dan nasionalisme orang-orang Melayu di Malaya. Seiring dengan pengisytiharan itu, Sir Harold Mac Micheal pun sampai ke Malaya membawa pakej baru pemerintahan bagi penduduk Malaya ketika itu. Tanpa menghalusi objektif Malayan Union, ada dikalangan penduduk dan akhbar tempatan menyokong cadangan yang dibawa oleh Mac Micheal. Raja Melayu yang pertama menandatangani perjanjian Malayan Union ialah Sultan Johor dan diikuti oleh Raja-Raja Melayu yang lain setelah diperdaya oleh Mac Micheal untuk memberi persetujuan.

Terdapat tiga objektif utama yang tidak dipersetujui oleh orang Melayu. Pertama, mengintegrasikan kaum Cina dan India sama-sama dalam politik dan pemberian hak kerakyatan menerusi prinsip '*Jus Soli*'. Kedua, penubuhan kerajaan pusat dan mewujudkan pemerintahan sendiri. Orang-orang Melayu merasakan tindakan menubuhkan Malayan Union adalah tidak adil dan cuba menghapuskan kedaulatan Raja-Raja serta mencabar hak

politik orang Melayu. Orang-orang Melayu semakin bimbang akan kehilangan tanah air yang tercinta sekiranya Malayan Union menjadi kenyataan. Pada 30hb. November 1945 satu kongres diadakan di Ipoh membincangkan penubuhan Parti Kebangsaan Melayu. Perjumpaan ini turut dihadiri oleh Raja-Raja Melayu. Kemudian Kongres Melayu Se-Tanah Melayu telah diadakan pada bulan Mac 1946 yang melibatkan 48 persatuan Melayu dan dipengerusikan oleh Dato' Onn Jaafar. (Mohd Fuad Mat Jali, 1998: 483). Dalam ucapan perasmianya, Dato' Onn menjelaskan:

“Apapun maksud dan tujuan kita itu ialah keyakinan diri kita bahawa nasib bangsa kita haryalah akan dapat diperkekalkan dengan kesatuan hati di antara kita dan juga kesatuan kebangsaan kita itu hanya akan dapat dipeliharkan dengan berpegang teguh kepada satu kepercayaan yang lebih besar dan lebih tinggi daripada (apa) bangsa sekalipun... Nenek moyang kita yang telah menghadapi merbahaya dengan gagah berani bersatu hati, dan oleh yang demikian itu bangsa kita masih hidup lagi dan Semenanjung Tanah Melayu masih diakui oleh dunia sebagai Tanah Melayu” (Fawzi Basri, 1996: 9).

Di sini Dato' Onn telah mengajak orang-orang Melayu supaya bersatu menentang Malayan Union demi memelihara keselamatan memartabatkan bangsa. Persidangan ini juga telah menjana semangat nasionalisme ke arah penubuhan parti politik Melayu yang menyeluruh.

Walaupun berbagai komen dan reaksi dari ahli-ahli parti Buruh telah dibahaskan, namun Kerajaan British masih mahu menuahkan Kerajaan Malayan Union dan pada 31 Mac 1946, pemerintahan tentera British (BMA) di Semenanjung Malaya telah ditamatkan. (Mohd Fuad Mat Jali, 1997: 484) Pada 1hb April 1946 kerajaan Malayan Union diwujudkan dan Sir Edward Gent telah dilantik menjadi gabenor. Pada tarikh itu juga orang-orang Melayu dan Raja-Raja Melayu bersatu-padu memulaukan upacara tersebut

demi maruah politik bangsa. Seluruh umat Melayu berkabung dan berhimpun di hadapan Station Hotel Kuala Lumpur iaitu tempat bersemayam Raja-Raja Melayu ketika itu untuk menunjukkan tentangan mereka terhadap Malayan Union. Mereka melaungkan ‘Daulat Tuanku!’ dan ‘Hidup Melayu’. Kejadian ini telah memberi tamparan hebat kepada British yang tidak menjangka kesedaran politik orang Melayu amat kental bersatu padu mempertahan maruah bangsa dan institusi raja.

Bagi memperkemaskan dan mengetalkan semangat politik bangsa Melayu Dato’ Onn telah mengadakan Kongress Melayu Se-Malaya yang kedua pada 11 dan 12hb. Mei 1946 di Istana Besar Johor Bahru. Perlembagaan yang digubal oleh jawatankuasa yang dilantik pada bulan Mac 1946 untuk menubuhkan sebuah parti telah dibincangkan dan diterima sebulat suara. Pada 11hb. Mei 1946 Rang Surat Tauliah Pertubuhan telah diluluskan dan disahkan, maka pada hari itu lahirlah sebuah parti politik Melayu yang dikenali Pertubuhan Melayu Bersatu (United Malaya Organisation-UMO). Kemudian Za’ba mencadangkan perkataan ‘*National*’ atau kebangsaan dimasukkan ke dalam nama pertubuhan itu. Ini menjadikan sebutan sepenuhnya Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu atau United Malays National Organisation (UMNO). Sejak itu British mengiktiraf UMNO sebagai ‘*suara dan hati nurani*’ orang Melayu. UMNO juga menjadi kekuatan dan ‘pelindung baru’ bagi orang Melayu. Slogan ‘*hidup Melayu*’ telah menggegarkan kedudukan British dan menyemarakkan perpaduan dan semangat kebangsaan orang Melayu di seluruh Tanah Melayu buat pertama kali dalam sejarah. (Mohd Fawzi Mohd Basri, 1996: 11)

3.5. Pengenalan Kepada Sistem Demokrasi.

Dari segi politik, kesan kolonialisme dapat dilihat dengan jelas dalam pengamalan sistem pemilihan wakil-wakil rakyat dan pembentukan sesebuah kerajaan. Sistem demokrasi yang kita amalkan sekarang ini adalah tinggalan warisan penjajahan British iaitu raja berperlembagaan dan demokrasi berperlimen. Pada tahun 1955, pilihanraya umum Persekutuan Tanah Melayu yang pertama telah dilakukan dan Perikatan menang 51 daripada 52 kerusi. Demokrasi merupakan sistem politik iaitu rakyat boleh memilih di antara pertubuhan-pertubuhan dan pemimpin politik yang bertanding. Rakyat tidak boleh dan tidak dibenarkan menjalankan pemerintahan sendiri tetapi mereka boleh mengawal kerajaan. Dalam demokrasi, rakyat menentukan bentuk perkembangan sistem politik. (Fadhilah binti Abdul Aziz, 1996: 18)

Di Malaysia umpamanya, di dalam pengamalan sistem demokrasi misalnya, penentuan dasar sebuah negara ditentukan oleh pelbagai kumpulan dalam masyarakat. Pandangan ini dikenali sebagai pandangan ‘*pluralis*’, (Makmor Tumin, 1999: 20). Bagi sebuah negara yang mengamalkan sistem demokrasi, semua pandangan dan tuntutan daripada kumpulan yang aktif dan sah akan dapat mempengaruhi pembuatan dasar sesebuah negara. Di negara kita, didapati bukan sahaja parti-parti politik dan kesatuan sekerja malah NGO juga mewakili kepentingan kelompok tertentu turut terlibat dalam majlis penasihat di bawah beberapa kementerian. Contohnya:

- i) Hal ehwal Dalam Negeri : Dato’ Onn Jaafar.
- ii) Pertanian dan Perhutanan : Tengku Yaacob Ibni Sultan Abdul Hamid.
- iii) Pelajaran : EEC Thuraisingham.
- iv) Kesihatan : Dr. Lee Tiang Keng.

v) Tanah, Lombong dan Perhutanan Datuk Mahmud bin Mat. (Zainal Abidin Abdul Wahid, et.al, 1992: 202).

Idea mengenai demokrasi yang dipraktikkan di Malaysia telah menampakkan kejayaan walaupun tidak seratus peratus. Permuafakatan di antara parti pembangkang dan parti pemerintah belum boleh dibanggakan. Kebiasaananya apabila berlaku pilihanraya terdapat beberapa pertelingkahan dan saling memusuhi antara satu sama lain walaupun bukan secara fizikal.

Kelahiran berbagai bentuk parti politik adalah satu unsur warisan penjajahan Barat yang telah diterima oleh hampir semua negara termasuk Malaysia. Selalunya parti merupakan sebuah badan Parlimen sementara yang mempunyai organisasi tempatan kerana dalam banyak keadaan ia ditubuhkan atas keputusan kerajaan. Dalam sesetengah kes parti hanya berperanan untuk memberitahu kepada pemimpin perasaan tidak puas hati yang terdapat di kalangan rakyat.

Mekanisme menentukan kerajaan secara demokratik menerusi pilihanraya telah diperkenalkan pada tahun 1952. Pada tahun tersebut pilihanraya kerajaan tempatan bagi beberapa bandar besar di Malaysia termasuk Kuala Lumpur telah diadakan. Ini diikuti oleh pilihanraya seluruh negara yang pertama untuk memilih sebuah kerajaan persekutuan pada tahun 1955. Pilihanraya pertama setelah Tanah Melayu merdeka telah diadakan pada tahun 1959. Sejak dari itu amalan menentukan pemimpin kerajaan secara demokrasi peringkat negeri dan pusat diadakan setiap empat atau lima tahun sekali. Prinsip ini juga telah digunakan untuk menentukan pimpinan sebagai pertubuhan dan persatuan. Sebenarnya demokrasi yang selama ini kita praktikkan ialah kesan daripada penjajahan Inggeris di

Tanah Melayu. Ketika mereka menjajah Tanah Melayu, berbagai-bagai perubahan telah mereka lakukan, sama ada dari segi ekonomi, sosial, mahu pun politik. Sehubungan itu walaupun setelah 43 tahun negara kita telah mencapai kemerdekaan, kita masih lagi mengamalkan sistem pentadbiran yang telah ditinggalkan oleh penjajah Inggeris. (Fadhilah binti Abdul Aziz, 1996: 25).

Amalan menentukan pimpinan berdasarkan lunas-lunas demokrasi telah memberi peluang pada golongan massa untuk menyatakan pimpinan pilihan mereka sama ada secara terbuka atau rahsia sudah diterima sebagai satu budaya yang diamalkan secara meluas di negara kita. Pilihanraya akan diadakan setiap lima tahun sekali, seperti yang ditetapkan oleh Perlembagaan Persekutuan. Pilihanraya ini akan menentukan siapakah yang layak menjadi pemimpin di peringkat negara atau negeri.

Sejak tahun 1955-1999 kita telah mengalami sebanyak 10 kali pilihanraya. Pilihanraya umum baru-baru ini (1999) telah dijalankan berdasarkan ideologi demokrasi. Rakyat bebas memilih calon yang mereka kehendaki. Hak pemilihan diberikan kepada mereka sepenuhnya. Di Malaysia, terdapat banyak parti politik seperti Barisan Nasional, PAS, DAP, KEADILAN, PRM, dan sebagainya. Parti-parti terbut membentuk pula dua kumpulan iaitu parti pembangkang dan parti pemerintah. Setiap parti akan meletakkan calonnya di setiap kawasan dan diberi kebenaran untuk mengadakan kempen sebelum tarikh pilihanraya. Di dalam jangkamasa berkempen setiap parti akan mengeluarkan manifesto masing-masing. Manakala rakyat pula akan menentukan pilihan mereka di dalam pengundian. Ini menjelaskan kepada kita bahawa sistem parti demokrasi yang diwujudkan diterima umum. Parti yang mendapat undi dan kerusi majoriti akan memimpin kerajaan.

3.6 Kesan Terhadap Pemikiran

Kesan terhadap pemikiran dapat dilihat melalui berkembangnya aliran modernisme yang dipopularkan oleh kuasa penjajah. Ia terbahagi kepada dua iaitu '*orthodox and modernism*' yang memberi perhatian kepada persoalan teologi sahaja. Baru kemudiannya pada zaman sekarang aliran ini menjangkau persoalan-persoalan keduniaan dan kehidupan seluruhnya, seperti bidang-bidang pendidikan, sosial, ekonomi, politik dan sebagainya.

Dari segi teologinya, ciri utama aliran modenisme tradisional ialah rasionalisme. Dalam sejarah pemikiran Islam, aliran modernisme atau rasionalisme dalam teologi diwakili oleh mazhab Muktazilah. Sebagai aliran klasik, mazhab ini dipengaruhi oleh rasionalisme Greek dalam berbagai aspek doktrinnya, khususnya tentang konsep keadilan Tuhan yang berasal daripada falsafah Plato.

Zainal Abidin bin Ahmad atau Za'ba (1895-1973) sebagai tokoh pengarang dan tokoh yang memperjuangkan semangat kebangsaan Melayu, beliau banyak menggunakan nama samaran dalam tulisannya untuk menyedarkan masyarakat Melayu. (Adnan Haji Nawang, 1996: X-14). Sesetengah sejarawan menganggap bahawa beliau berpegang kepada aliran Muktazilah. Contohnya beliau pernah memakai nama '*Abi al-Murthadha al-Muktazili*' yang bermaksud 'bapa Murthadha yang beraliran Muktazilah'. (Abdul Rahman Haji Abdullah, 1998: 160)

Menurut Abdul Rahman Haji Abdullah, konsep keterbatasan kuasa Tuhananya Plato yang menjadi prinsip Muktazilah itu turut berkembang di Malaysia melalui pemikiran Za'ba. Dengan tujuan untuk menolak kekeliruan musuh-musuh Islam yang kononnya menganggap Tuhan bertindak sesuka hatinya sahaja termasuk membuat kezaliman dan menyesatkan manusia, lalu Za'ba mentakwilkan ayat-ayat al-Quran yang menunjukkan

kekuasaan yang tiada terbatas itu. Bahkan dengan penuh emosi Za'ba terus menyerang mereka yang menganggap Tuhan berkuasa dalam soal-soal kezaliman dan kesesatan, seperti katanya:

'Tetapi jika Allah Ta'ala sendiri yang menunjukkan dan menyesatkan sesiapa yang Ia kehendaki apakah faedahnya lagi diturunkan Quran dan dibarangkan Rasul supaya menyeru manusia kepada kebenaran? Kehendak Allah Ta'ala biarlah semua orang mengikut jalan yang betul, tetapi tiada dipaksakan kehendaknya itu di atas manusia. Maka itulah sebabnya diturunkan Quran dan disuruh RasulNya menyeru mereka itu supaya mereka boleh berfikir dan memilih jalan yang betul itu. Tidaklah sekali-kali munasabah dengan sifat kesempurnaan Allah Ta'ala jika perbuatannya berlawanan, ertiya pedoman yang diberinya supaya diikuti dan lalu disesatkannya!Maka bertambah jatuhlah sifat kesempurnaan Tuhan oleh sebab perbuatannya menyesatkan itu'.(Dari Falsafah Takdir, Dipetik oleh Abdul Rahman Haji Abdullah, 1998: 161)

Jadi bagi Za'ba, Allah Ta'ala yang bersifat sempurna itu tidaklah patut menyesatkan manusia, kerana ia merupakan sifat yang hina dan kekurangan bagi-Nya. Sepatutnya Allah Taala hendaklah dihubungkan dengan perkara-perkara yang baik dan nikmat sahaja, sepertimana konsep Tuhan sebagai "*The Good*" oleh Plato tersebut. Seterusnya ia diikuti oleh Syeikh Muhammad Tahir Jalaluddin (1869-1957), iaitu seorang tokoh reformis yang terkemuka. Hakikat ini dapat dilihat dalam tulisannya tentang *al-Urwat al-Wuthqa*, atau lebih tepat daripada pemikiran Syeikh Muhammad Abduh. Dalam hal ini apa yang di maksudkan oleh Za'ba ialah setiap manusia perlulah berusaha untuk mencapai kejayaan. Bukan semata-mata berserah kepada takdir sahaja. Justeru itu, beliau juga menerangkan cara untuk mengatasinya. Beliau mempercayai bahawa melalui pelajaran jugalah kelemahan tersebut akan dapat diatasi. (Adnan Haji Nawang, 1996: 124)

Seterusnya aliran neo-modenisme juga turut berkembang di Malaysia. Ia mempengaruhi dalam aspek-aspek persoalan keduniaan dan kehidupan yang lebih luas dan

menyeluruh. Kesan pertama tentang pengaruh modenisme ialah sikap pro-kolonialisme, baik daripada mereka yang berpendidikan sekular mahupun agama.

Pada masa itu di Tanah Melayu, tokoh pertama yang menyerah kepada tekanan tamadun Barat moden dan malah bekerjasama dengan kerajaan kolonial ialah Abdullah Munsyi (1796-1854). Beliau banyak membantu para paderi dan mubaligh Kristian dalam penterjemahan kitab Injil ke dalam Bahasa Melayu. Melalui pengalaman selama berpuluhan tahun bekerjasama dengan pihak Inggeris, Abdullah dikatakan telah mempelajari konsep '*freedom of thought*' daripada paderi-paderi yang digaulinya, yang sering memanggilnya 'Abdullah Padre'. Tidak hairanlah jika dengan kedudukannya sebagai '*catalyst*' pertama gerakan modenisasi itu beliau dengan beraninya mengecam feudalisme semahu-mahunya, sebagaimana terpancar dalam catatan perjalannya ke Kelantan atas arahan Inggeris. (Abdul Rahman Haji Abdullah, 1998: 185).

Seterusnya pengaruh modenisme ini dapat dilihat melalui aspek perundangan yang menggunakan unsur rasionalisme dalam hukum Islam. Ia cenderung kepada penggunaan akal secara berlebihan. Sebagai contohnya, rasionalisme dalam hukum Islam ialah kecenderungan menekankan aspek hikmah secara saintifik melebihi tekanan kepada aspek ubudiyyah. Di Malaysia, pengaruh rasionalisme dalam hukum Islam memang besar, misalnya ia mempengaruhi Syed Syeikh al Hadi melalui karyanya, '*Ugama Islam dan Akal*' (1931). Kemudiannya bagi Za'ba pula, beliau menuntut agar setiap orang mestilah berijtihad sendiri dan membuang sifat taqlid buta yang keji itu. Jelasnya, setiap orang mestilah bergantung kepada diri sendiri dalam semua hal, dan jangan bergantung kepada orang lain. Pendeknya, dalam melakukan ijtihad tersebut, golongan modenis

menekankannya kepada setiap orang, tanpa mengira realiti manusia yang memiliki ilmu dan kecerdasan yang berbeza.